


→ PENGANGKUTAN

2 juta dapat manfaat MRT SSP

BH
15/9/16
mls 6



→ PM lancar jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya hari ini

nology Park Malaysia (TPM) dan Taman Universiti di Serdang kerana menjangkakan kawasan terbabit akan mengalami kepesatan pada masa depan," katanya pada sesi taklimat mengenai pembinaan SSP.

"Mengikuti perancangan kedua-dua stesen itu disediakan kawasan khusus untuk pembinaan stesen tetapi pada masa ini tiada binaan stesen dibina sebaliknya ia dijadikan rizab untuk MRT," katanya pada sesi taklimat mengenai pembinaan SSP.

73 pakej kontrak dikeluarkan

Najmuddin berkata, sebanyak 73 pakej kontrak untuk kerja pembinaan MRT SSP akan dikeluarkan.

Bermula Jun lalu sehingga kini, katanya, sebanyak 23 kontrak sudah dianugerahkan kepada kontraktor dengan nilai mencecah RM24 bilion.

Oleh Rohaniza Idris
dan Che Wan Badrul Alias
roha@bh.com.my


Kuala Lumpur

Projek pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) bagi jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT SSP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, hari ini, bakal memberi manfaat kepada dua juta penduduk sepanjang laluan apabila siap sepenuhnya pada 2022.

Majlis pecah tanah projek yang diadakan berhampiran Stesen Putrajaya Sentral, Putrajaya, adalah laluan kedua bagi pakej menerusi projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) yang dibangunkan MRT Corp.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Najmuddin Abdullah, berkata projek pembinaan MRT SSP itu membabitkan dua fasa iaitu fasa pertama membabitkan laluan Sungai Buloh ke Kampung Batu yang dijangka siap pada suku kedua 2021 dan laluan Kampung Batu ke Putrajaya Sentral siap pada suku kedua 2022.

"MRT Corp juga merancang membina dua lagi stesen tambahan di laluan ini iaitu di Tech-



Bercakap kepada BH, beliau berkata, MRT SSP akan membabitkan kos RM32 bilion, jauh lebih tinggi berbanding standard industri antarabangsa.

Bahkan, kos laluan kedua yang bakal memanfaatkan 529,000 penumpang sehari itu juga lebih besar berbanding RM23 bilion kos pembinaan laluan pertama MRT Sungai Buloh-Kajang (MRT SBK) sebelum ini.

Beliau berkata, perbezaan ketara kos pembinaan itu adalah disebabkan faktor geologi, masa pembinaan dan jenis teknologi kereta api yang digunakan.

Pengiraan kos

Katanya, persoalan yang ditimbulkan itu sering mengambil kira perbandingan kos bagi satu kilometer antara sistem rel lain, sedangkan pengiraan juga perlu melihat pelbagai faktor yang memberi impak kepada kos semasa.

"Misalnya, pembinaan MRT Lembah Klang yang membabitkan laluan bawah tanah terpaksa melalui keadaan geologi mencabar disebabkan formasi batu kapur serta ruang kosong yang tidak menentu di bawah Kuala Lumpur.

"Justeru, Mesin Pengorek Teroong Pembolehkan Ketumpatan yang direka khas perlu digunakan untuk kerja mengorek di Lembah Klang sehingga memberi impak kepada kos kerja dan kos keseluruhan projek meningkat," katanya.

MRT SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

- Panjang laluan: 52.2km
- Laluan biasa: 38.7km
- Laluan Bawah Tanah: 13.5km
- Jumlah Stesen: 37
- Laluan biasa: 26
- Laluan Bawah Tanah: 11

- Stesen Pertukaran: 12
- Pertukaran di MRT SBK: 2 (Kawasan Damansara, Tun Razak Exchange)
- Pertukaran dengan LRT Kelana Jaya: 1 (Ampang Park)
- Pertukaran Stesen di LRT AG/SP:

- 3 (Titivangsa, Chan Sow Lin, Sungai Besi)
- Monorail: 1 (Titivangsa)
- KTM Komuter: 3 (Sungai Buloh, Kepong Sentral, Kampung Batu)
- ERL: 1 (Putrajaya Sentral)

- Keretapi berkelajuan tinggi (HSR) (future): 1 (S22 Bandar Malaysia Selatan)
- Jumlah tren: 58 menjelang 2022
- Jumlah pengguna harian: 529,000 penumpang

Info